

Naib Canselor akui ada pensyarah tak mahir BI

um 19/12/06

Kementerian pantau program IPTA mantapkan bahasa global

Oleh Norfatimah Ahmad, Mohamed Farid Noh, Norbaizura Zaini dan Azrul Affandi Sobry.

KUALA LUMPUR: Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu mengakui dan menerima hakikat kewujudan sebilangan pensyarah mereka kurang mahir menggunakan bahasa Inggeris.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Rafiah Salim, berkata walaupun masalah itu tidak membimbangkan, IPTA terbabit perlu menerima hakikat itu dengan terbuka dan cuba mengatasinya.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan IPTA yang menghadapi masalah itu kerana kajian yang dijalankan masih pada peringkat awal dan memerlukan masa sebelum dibentangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

"Saya tidak terperanjat dengan pendedahan kajian yang dibuat kerana golongan berkenaan (sampel) adalah hasil sistem pendidikan kita yang memberi tumpuan kepada bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris.

"Hanya baru-baru ini, bahasa Inggeris kembali diberi keutamaan dalam pendidikan sekolah. Langkah ini bukan untuk mengagung-agung bahasa Inggeris tetapi kerana Malaysia

adalah negara perdagangan dan memerlukan penggunaan meluas bahasa global ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin *Berita Harian* melaporkan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed mendedahkan kajian yang dilakukan sekumpulan penyelidik diketuai profesor dari UM mendapati penguasaan bahasa Inggeris sebilangan pensyarah universiti awam kurang memuaskan.

Berikutan itu, pensyarah yang dikenal pasti itu akan dihantar mengikuti kursus dan latihan intensif bagi memantapkan penguasaan bahasa itu.

Rafiah turut mendedahkan pensyarah baru yang masih muda adalah golongan dikenal pasti kurang mahir menggunakan bahasa Inggeris.

"Hasil kajian itu mendapati tiga golongan pensyarah dikelaskan sebagai mempunyai kemahiran tinggi penggunaan bahasa Inggeris, kemahiran baik tetapi perlu memperbaiki penulisan untuk penulisan jurnal antarabangsa dan mahir pada tahap memuaskan tetapi memerlukan latihan lanjut mengikut tahap," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah mengakui kewujudan pensyarah

sedemikian.

Beliau berkata, pensyarah terbabit tidak boleh disalahkan kerana mereka terhasil daripada sistem pendidikan sedia ada yang lebih menekankan bahasa Melayu.

"UiTM sendiri mengenal pasti terlebih dulu kemahiran bahasa Inggeris bakal pensyarah ketika ditemuduga sebelum diterima berkhidmat," katanya.

Ibrahim berkata, kajian sama perlu dilakukan ke atas universiti swasta kerana tahap penguasaan bahasa Inggeris pensyarahnya mereka boleh dipertikaikan.

"Lagipun, pensyarah universiti swasta yang mempunyai kelulusan peringkat sarjana dan kedoktoran (PHD) kecil jumlahnya berbanding di IPTA yang mempunyai ribuan pensyarah," katanya.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Dr Nordin Kardi, berkata kajian yang dijalankan perlu disahkan terlebih dulu dengan penggunaan sampel yang lebih menyeluruh.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin, pula berkata pihaknya lebih positif dalam isu ini kerana merangka penyelesaian untuk pensyarah terbabit.

"Kita mempunyai program dalaman khas untuk pensyarah yang kurang mahir berbahasa Inggeris. Kita juga tidak mempunyai masalah serius kerana hampir 90 peratus pensyarah kami adalah lulusan luar negara khususnya dari Eropah dan Amerika Syarikat," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Hassan Said, berkata Kementerian Pengajian Tinggi akan memantau program yang dirangka IPTA bagi menangani masalah pensyarah kurang mahir menggunakan bahasa Inggeris.

Beliau berkata, setakat ini, semua IPTA sudah diarah supaya menyediakan tindakan susulan masing-masing untuk manfaat bersama.

"Masalah yang dihadapi IPTA itu perlu ditangani pada peringkat dalaman dan Kementerian Pengajian Tinggi akan memantau dari semasa ke semasa untuk memastikan setiap tindakan seiring dengan matlamat untuk memantapkan penguasaan bahasa global itu di kalangan pensyarah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Hassan berkata, berkata setiap IPTA juga diminta memperkemas program membabitkan keseluruhannya kira-kira 17,000 kakitangan secara berperingkat.



“UiTM mengenal pasti terlebih dulu kemahiran bahasa Inggeris bakal pensyarah ketika ditemuduga”

Prof Dr Ibrahim Abu Shah
Naib Canselor



“Selagi kami memahami pengajaran yang”